



## "PELIHARALAH ALAM ANUGERAH ALLAH".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْأَبْرِ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ<sup>1</sup></p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Marilah kita sama-sama bertakwa kepada Allah dengan sebenar-benar takwa, dengan mentaati segala titah perintahNya dan meninggalkan segala laranganNya. Semoga Allah mengurniakan kepada kita sekeluarga kemantapan iman, kemurnian jiwa dan takwa berpanjangan serta kekuatan mengharungi kehidupan yang penuh mencabar.</p>	5
<p>Tajuk khutbah pada hari ini ialah "<b>PELIHARALAH ALAM ANUGERAH ALLAH</b>".</p> <p><b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,</b></p>	6
<p>Alam adalah anugerah Allah SWT yang sangat bermakna dalam kehidupan manusia. Allah telah menciptakan alam ini dengan sempurna untuk manfaat manusia dan semua makhluk atas muka bumi ini. Bumi yang luas dijadikan tempat tinggal manusia dan haiwan untuk hidup, gunung-ganang dijadikan sebagai pasak bumi umpama tiang, manakala tumbuh-tumbuhan sebagai sumber rezeki dan makanan kepada kehidupan, hujan sebagai sumber rezeki, manakala hidupan di lautan dijadikan rezeki makanan untuk kemudahan hidup manusia.</p>	7

<sup>1</sup> al-Ruum : 41.



<p>Hal ini sepertimana yang dijelaskan Allah melalui firman-Nya dalam Surah Ibrahim, ayat 32 dan 33 yang bermaksud:</p> <p><i>“Allah jugalah yang menciptakan langit dan bumi dan menurunkan hujan dari langit lalu mengeluarkan dengan air hujan itu buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu dan Dia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintahNya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat darinya). Dan Dia juga yang menjadikan matahari dan bulan sentiasa beredar, untuk kepentingan kemudahan kamu dan yang menjadikan malam dan siang bagi faedah hidup kamu”.</i></p>	8
<p>Justeru, kita sebagai khalifah di atas muka bumi ini, ditugaskan untuk memikul amanah memakmurkan bumi dengan memeliharanya daripada sebarang kerosakan. Apalah ertinya sebagai hamba Allah jika kita tidak menjaga dan memelihara kehidupan ini dengan baik kerana ianya diberi secara percuma oleh Allah SWT. Bahkan apabila kita merujuk kepada ayat-ayat Al-Quran berkaitan kehidupan dunia, ia mendapati bahawa Allah berulang kali menekankan peranan memelihara dan menjaga diri, kehidupan, termasuklah penjagaan alam. Di sinilah peranan yang mesti dimainkan oleh kita semua kerana dunia yang kita diami ini adalah amanah yang telah diberikan Allah SWT untuk dijaga dan dipelihara serta dimakmurkan.</p>	9
<p>Allah SWT berfirman dalam surah Hud ayat 61:</p> <p>﴿ وَإِلَىٰ ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَالِحًا قَالَ يَا قَوْمِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنِّ إِلَهِ غَيْرُهُ ۗ هُوَ أَنشَأَكُم مِّنَ الْأَرْضِ وَأَسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا فَاسْتَغْفِرُوهُ ثُمَّ تَوْبُوا إِلَيْهِ ۚ إِنَّ رَبِّي قَرِيبٌ مُّجِيبٌ ﴾</p>	10
<p><i>“Dan kepada kaum Thamud, Kami utuskan saudara mereka: Nabi soleh. ia berkata: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah! sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripada-Nya. Dia lah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya. oleh itu mintalah ampun kepada Allah dari perbuatan syirik, kemudian kembalilah kepada-Nya dengan taat dan tauhid. Sesungguhnya Tuhanku sentiasa dekat, lagi sentiasa memperkenankan permohonan hamba-Nya.”</i></p>	11



<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah Sekalian,</b></p> <p>Kita menyaksikan pelbagai kesan buruk yang berlaku akibat perilaku dan tindak-tanduk mereka yang tidak bertanggungjawab terhadap alam seperti peningkatan suhu bumi, pencemaran air dan udara, banjir besar, tanah runtuh, kebakaran hutan, kemusnahan tumbuh-tumbuhan serta perubahan cuaca yang tidak menentu, pastinya menjejaskan kehidupan manusia.</p> <p>Ini semua berpunca daripada wujudnya golongan yang melakukan penebangan hutan berleluasa tanpa had yang boleh merosakkan ekosistem kehidupan manusia.</p> <p>Selain itu pembuangan sisa toksid ke dalam sungai dengan sewenang-wenangnya adalah satu tindakan yang tidak bertanggungjawab hingga ianya menyebabkan banyak kerosakan berlaku dalam masyarakat.</p>	12
<p>Sebenarnya, pelbagai bencana dan kerosakan alam sekitar yang berlaku di seluruh dunia adalah disebabkan oleh kerakusan dan kecuaiian manusia itu sendiri. Inilah yang diperingatkan oleh Allah SWT dalam surah al-Rum ayat 41 yang bermaksud:</p> <p><i>“Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).”</i></p>	13
<p>Sebagai contoh, kita telah menyaksikan bagaimana kesan jerebu yang melanda negara akhir-akhir ini yang telah memberi kesan secara langsung kepada kehidupan masyarakat. Akibat daripada tangan-tangan manusia yang tidak bertanggungjawab melakukan pembakaran hutan telah menyebabkan udara yang dahulunya bersih telah diselaputi dengan kekotoran dan ini boleh mengakibatkan berbagai penyakit. Kesannya sekolah-sekolah terpaksa ditutup akibat IPU sangat tidak sihat disesetengah kawasan. Ribuan anak-anak tidak dapat bersekolah kerana diarah tutup dan amat malang sekali lebih ramai yang terpaksa berdepan dengan kesukaran terutama yang menghadapi penyakit.</p>	14
<p>Begitu juga, kita amat sedih apabila ada dikalangan sesetengah masyarakat yang terus menerus melakukan pembakaran terbuka dalam negara tanpa segan silu. Arahan demi arahan diberikan oleh pihak berkuasa namun tidak diendahkan. Bukankah tindakan ini suatu sikap yang boleh mengundang kepada keburukan? Sama-samalah kita renungkan dan berperanan memberi nasihat dan teguran kepada pihak-pihak ini agar mereka akur dengan nasihat pihak berkuasa.</p> <p><b>Hadirin Jumaat sekalian,</b></p>	15



<p>Pemeliharaan alam sekitar dengan baik adalah antara tujuan utama dalam konteks syariah. Ini termasuklah memelihara agama, akal, nyawa, keturunan dan harta. Tiada yang lebih bermakna jika setiap manusia rakus dan tamak dalam mengurus dunia dengan hawa nafsu dengan mengenyepikan kesan dan impaknya kepada kehidupan. Tanggungjawab <i>ubudiyah</i> menyedarkan manusia supaya tidak bertindak sewenang-wenangnya terhadap alam sekitar sebaliknya menuruti peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah. Alam sekitar merupakan salah satu daripada amanah yang telah diserahkan kepada manusia dan perlu ditunaikan dengan baik. Ia juga dijadikan Allah untuk beribadah kepadanya. Sedarlah bahawa betapa banyak jasa dan manfaat besar alam yang dapat kita nikmati namun berapa ramai yang mensyukurinya?</p>	16
<p>Firman Allah dalam surah al-Nahl ayat 15 :</p> <p>وَأَلْقَى فِي الْأَرْضِ رَوَاسِيَ أَنْ تَمِيدَ بِكُمْ وَأَنْهَارًا وَسُبُلًا لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٥﴾</p> <p><i>"Dan ia mengadakan di bumi gunung-ganang yang menetapnya supaya ia tidak menghayun-hayunkan kamu; dan ia mengadakan sungai-sungai serta jalan-jalan lalu lalang, supaya kamu dapat sampai ke matlamat yang kamu tuju."</i></p>	17
<p>Oleh yang demikian seorang mukmin seharusnya berusaha untuk mengamalkan cara hidup baik yang mesra alam. Sebagai contoh kecil seperti penggunaan beg plastik dan amalkan tabiat kitar semula juga adalah satu yang sangat bermakna demi menjaga alam.</p> <p>Begitu juga tabiat membuang sampah merata-rata juga memberi kesan kepada kesejahteraan alam. Ia nampak seolah-olah satu sikap yang kecil namun jika semua masyarakat tidak menyedari akibatnya maka tidak mustahil kita hidup dalam dunia yang penuh dengan kekotoran.</p>	18
<p>Akibat kejahilan daripada memelihara kebersihan persekitaran bukan sahaja akan mengundang kerosakan kepada alam malah kepada kehidupan manusia dan betapa penyakit juga akan menyerang manusia. Inilah peringatan yang harus sama-sama kita hayati terutama sikap dan tanggungjawab bersama dalam menjaga kebersihan demi memelihara kesejahteraan alam.</p>	19
<p>Menurut hadis yang diriwayatkan oleh Abu Said al-Khudri Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:</p> <p><i>"Dunia ini hijau dan cantik, dan Tuhan telah melantik kamu sebagai pengurusnya. Dia melihat apa yang kamu lakukan."</i></p> <p>(Riwayat Muslim).</p>	20



<p>Oleh itu, marilah kita berusaha untuk bersama-sama menerapkan kesedaran mengasihi dan menjaga keharmonian alam. Sikap tidak jujur dalam menjaga alam sekitar samalah seumpama merosakkan masa depan generasi akan datang. Semoga kita tergolong di kalangan mereka yang memelihara alam sekitar dengan baik.</p> <p><b>Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,</b></p>	21
<p>Mengakhiri khutbah pada hari ini ada beberapa tausiah penting yang perlu diberi perhatian oleh kita semua sebagai iktibar demi menjaga alam sekitar untuk kebaikan bersama:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa nikmat kehidupan dan ruang kehidupan di dunia ini adalah anugerah Allah yang mesti dijaga dan dipelihara.</li><li>2. Umat Islam hendaklah mengelakkan sebarang perbuatan yang merosakkan alam sekitar.</li><li>3. Umat Islam hendaklah berperanan secara kolektif membanteras sebarang aktiviti pencemaran alam.</li><li>4. Semua agensi hendaklah bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang atau peraturan-peraturan sedia ada bagi menjamin kelestarian alam sekitar.</li></ol>	22
<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَأَبْتَعُ فِيمَا ءَاتَيْتَكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ</p>	23
<p><i>"Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah); dan janganlah Engkau melakukan kerosakan di muka bumi; Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan."</i></p> <p>(al-Qasas : 77).</p>	24



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	28
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.	29



## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
3	<b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,</b>  Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan bersungguh-sungguh melakukan amal soleh serta berakhlak dengan akhlak Rasulullah SAW. Seterusnya marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمَّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.
7	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَانِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعِينَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحَفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ،
8	سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزیز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تغکو أمير شاه اِنبالسُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج



<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلِعْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظَفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	9
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	10
<p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana.</p>	11
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	12
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	13
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾</p>	14
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	15